

18 JAN 1998

Lapangan-terbang

KAPASITI LAPANGAN TERBANG DI KELANTAN PADA TAHAP MAKSIMA

KOTA BAHARU, 18 Jan (Bernama) -- Lapangan Terbang Sultan Ismail Putra, Kelantan, antara yang tersibuk di negara ini, kini amat memerlukan pengubahsuaian dan kerja-kerja pembesaran setelah terpaksa menampung jumlah maksima kapasiti penumpang dan muatan kargo sejak beberapa tahun lepas.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata pihaknya menyedari masalah di lapangan terbang yang berusia 50 tahun itu dan beberapa perancangan sedang difikirkan bagi meningkatkan mutu perkhidmatannya.

"Kerajaan pusat menyedari mengenai keperluan pembesaran lapangan terbang ini sebagai usaha menggalakkan lebih ramai pelabur ke negeri ini," katanya kepada pemberita selepas melawat dan mendengar taklimat berhubung kedudukan lapangan terbang itu di sini hari ini.

Taklimat disampaikan oleh Pengurus Malaysia Airport Berhad Abdul Wahab Mohd Yusof.

Annuar berkata lapangan terbang itu kini mencatat pertumbuhan maksima apabila menampung sebanyak 300,000 penumpang dan 500,000 kilogram muatan kargo setahun. Lapangan terbang itu kini mengendalikan minimum 12 penerbangan sehari dan projek pembesaran itu adalah satu keperluan mendesak yang dikenalpasti oleh pihak berkuasa negeri dan pusat.

Beliau berkata pihaknya mempunyai dua pilihan untuk membangunkan lapangan terbang itu.

"Pilihan pertama memakan belanja kira-kira RM15 juta iaitu melibatkan projek membesarkan bangunan Terminal setingkat yang dibina pada 1982 kepada dua tingkat serta menambahkan ruang letak kapal terbang daripada maksima tiga sekarang kepada enam pesawat," katanya.

Bagi pilihan kedua melibatkan projek bernilai antara RM40 dan RM50 juta merangkumi pembinaan sebuah bangunan terminal baru serta meningkatkan kemudahannya sekali ganda bagi mengendalikan enam pesawat dalam satu masa.

Annuar berkata pilihan pertama kurang sesuai kerana tidak dapat mengatasi sepenuhnya masalah yang dihadapi oleh pengurusan lapangan terbang manakala pilihan kedua yang dirasakan paling baik bagi jangka panjang pula melibatkan kos tinggi.

Annuar berkata beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan segera bagi mendapat pandangan dan kelulusan melaksanakan projek pembesaran lapangan terbang itu.

Beliau juga berkata projek pembesaran lapangan terbang itu yang ditangguh sejak 10 tahun lepas itu tidak lagi boleh ditunda dan diharapkan dapat dilaksanakan segera dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. --

BERNAMA

RAR NAK